

Bukan jaminan harga barang turun

PENGURUSAN sepenuhnya lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula tahun ini tidak menjamin penurunan harga barang yang dijual peniaga.

Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Datuk Mohamad Abdullah berkata, walaupun kadar sewa tapak bazar Ramadan ditawarkan lebih rendah berbanding tahun sebelumnya kerana diuruskan DBKL, namun kos operasi ditanggung peniaga tetap tinggi.